

**TEKS UCAPAN**  
**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KHIDMAT BANTU DIRUMAH**  
**DAERAH YAN.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah dan berkat kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di hari yang penuh bermakna ini untuk Majlis Pelancaran Program Khidmat Bantu Di Rumah bagi Daerah Yan pada pagi ini.
  
2. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah khususnya Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Yan di atas penganjuran majlis ini. Sesungguhnya dedikasi serta semangat yang ditunjukkan oleh semua yang terlibat membuktikan bahawa kita semua peka dan mengambil berat terhadap masalah dan keperluan masyarakat pada masa ini.
  
3. Justeru, Majlis ini adalah bertujuan untuk menggembelng amalan perkhidmatan sukarelawan, membentuk jati diri, menyemarakkan iltizam dan bersama berganding bahu antara kerajaan dan sukarelawan kebajikan dalam melaksanakan aktiviti kebajikan yang bercorak pendampingan sosial dalam menangani masalah sosial masa kini sejajar dengan konsep “kebajikan tanggungjawab bersama”. Majlis Pelancaran ini adalah untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkhidmatan yang disediakan dibawah 1Malaysia Family Care dan seterusnya untuk menggalakkan penyertaan sukarelawan dalam memberi khidmat bakti kepada kumpulan sasaran.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program seumpama ini sudah tentu akan memberi manfaat kepada rakyat dalam membantu meringankan beban mereka. Inilah bukti jelas usaha-usaha kerajaan yang sentiasa komited dalam memperjuangkan dan membela nasib rakyat yang meliputi keseluruhan masyarakat tanpa mengira kaum dan fahaman politik.
5. Pada masa yang sama, pelbagai usaha telahpun dilaksanakan untuk mengorientasikan masyarakat kepada kerja-kerja kesukarelawan dalam bidang kebajikan dan khidmat masyarakat. Lanjutan dari itu, program khidmat bantu di rumah merupakan inisiatif kerajaan dibawah pimpinan Y.A.B Perdana Menteri melalui strategi lautan biru kebangsaan (*national blue ocean strategy*) yang diperkenalkan untuk kesejahteraan komuniti melalui dimensi perkhidmatan. Program ini dizahirkan untuk kepentingan rakyat berlandaskan kepada gagasan Janji Di Tepati melalui Government Transformation Programmes (GTP).
6. Sudah tentu program seumpama ini secara tidak langsung akan dapat membantu masyarakat dalam pelbagai aspek khidmat sokongan sosial seperti program gotong royong serta perkhidmatan kerajaan secara *out reach* dalam komuniti yang bertujuan untuk membantu masyarakat yang kurang bernasib baik seperti warga emas dan OKU yang tinggal bersendirian atau bersama keluarga mahupun di institusi kerajaan dan NGO.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Inisiatif 1Malaysia Family Care ini diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Aktiviti yang dilaksanakan juga melibatkan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti universiti, kolej, persatuan, rukun tetangga, swasta dan orang perseorangan.
8. Bagi warga emas, tumpuan JKM dan sukarelawan adalah untuk memberi bantuan dan sokongan kepada warga emas di institusi dan mereka yang terlantar di rumah. agar mereka dapat menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasai diri mereka disisihkan. Bantuan dan sokongan juga diberi kepada keluarga yang menjaga Warga Emas yang keseorangan supaya terus mengambil tanggungjawab menjaga dan melindungi ahli keluarga.
9. Khidmat sokongan sosial disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sukarelawan seperti khidmat bantu dirumah, teman berbual, bantuan untuk keluar rumah ke kedai/klinik dan aktiviti lain serta aktiviti rekreasi. Manakala Kementerian Kesihatan pula akan menyediakan khidmat kesihatan seperti saringan status kesihatan dan untuk yang memerlukannya, rujukan serta rawatan akan diberikan. Latihan diberikan kepada sukarelawan dan penjaga warga emas bagi membolehkan mereka memberi penjagaan yang lebih kompeten serta penyayang kepada warga emas terlantar.

10. Bagi orang kurang upaya atau OKU, fokus bagi inisiatif ini adalah bagi membantu urusan kehidupan harian OKU khususnya OKU terlantar yang merupakan klien JKM dan juga memperkasakan warga di pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Perkhidmatan sokongan sosial dilaksanakan di PDK dan tumpuan JKM terarah kepada membantu aktiviti harian OKU khususnya OKU terlantar .JKM dan sukarelawan turut menyediakan aktiviti sokongan keluarga, khidmat nasihat dan latihan vokasional bagi menjana ekonomi. Pada masa yang sama Kementerian Kesihatan memberi perhatian terhadap aspek penjagaan kesihatan melalui Program PDK Ku Sihat. Melalui program ini, perkhidmatan yang disediakan adalah lebih holistik dan sistematik. Ia merangkumi pemeriksaan kesihatan OKU serta promosi cara hidup sihat, fokus kepada amalan pemakanan sihat dan aktiviti fizikal yang selamat.
  
11. Bagi ibu tunggal pula, perkhidmatan kesihatan difokuskan pada penjagaan kesihatan wanita dan kesihatan mental. Ibu tunggal yang hadir ke klinik kesihatan disaring status kesihatan dan diberi rawatan serta rujukan jika perlu. Matlamat utama perkhidmatan adalah untuk menggalakkan ibu tunggal mengamalkan cara hidup sihat. Sebagai contoh, melalui inisiatif 1Malaysia Family Care ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat melalui agensi dibawahnya seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara(LPPKN) dan Jabatan Pembangunan Wanita telah menyediakan perkhidmatan secara holistik, yang merangkumi aktiviti menjana ekonomi, aktiviti sosial serta aktiviti saringan kesihatan. Bagi memudahkan pelaksanaan inisiatif ini, kerjasama dengan persatuan ibu tunggal bersama agensi lain telah dijalin. Ini akan memastikan ibu tunggal

mendapat perkhidmatan yang pelbagai didalam satu majlis yang sama.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Menyedari bahawa Program Khidmat Bantu Dirumah ini memberi impak yang besar terhadap kebajikan dan kesejahteraan golongan yang memerlukan maka Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat telah mensasarkan agar program ini dapat dilaksanakan disemua 222 kawasan Parlimen yang melibatkan 124 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh Malaysia. Kementerian juga berharap agar sasaran penglibatan 2,220 sukarelawan dalam program dapat dicapai. Dijangkakan seramai 8,880 klien JKM akan mendapat manfaat daripada program ini.
13. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada JKM Negeri Kedah kerana Kedah merupakan negeri terawal melaksanakan program ini secara aktif dan saya difahamkan bahawa daerah Yan antara daerah yang paling aktif dalam usaha menarik penyertaan dan penglibatan sukarelawan dalam melaksanakan kerja-kerja kebajikan.
14. Saya ingin mengambil peluang dan ruang yang ada ini untuk menyeru kepada anda semua untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawan agar semangat kesukarelawan dapat dicapai demi kebaikan semua. Apa yang penting keprihatian dan fokus dalam bidang kerja kesukarelawan dan khidmat masyarakat dapat dijemakan dalam bentuk tindakan yang terancang.

Tentunya ia akan dapat memupuk semangat cintakan kerja-kerja kesukarelaan, dan budaya tolong-menolong dalam menghadapi senario sosial pada masa kini.

15. Akhir kata, sekali saya merakamkan penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk saya hadir seterusnya merasmikan program pada hari ini. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga penganjur atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan program ini. Saya berharap ia akan diperluaskan lagi agar semua golongan sasar akan mendapat manfaat yang dibawakan oleh Kerajaan khususnya dalam program Khidmat Bantu Dirumah ini.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* saya dengan sukacitanya melancarkan Program Khidmat Bantu Dirumah Daerah Yan.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.